



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

BIL.31 / 2019

### **URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DUN N.27 RANTAU, NEGERI SEMBILAN**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada 26 Februari 2019 telah menerima Perakuan daripada Mahkamah Persekutuan mengenai pengisytiharan bahawa keputusan pilihan raya bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) N.27 Rantau, Negeri Sembilan adalah tidak sah dan terbatal.
2. SPR juga telah membuat pemakluman rasmi kepada **Speaker DUN Negeri Sembilan, Yang Berhormat Dato' Zulkefly Mohamad bin Omar pada hari yang sama** berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi DUN tersebut.
3. Sehubungan dengan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini dan mengambil perhatian bahawa satu Pilihan Raya Kecil (PRK) perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan iaitu mulai pada 26 Februari 2019 bagi mengisi kekosongan di kerusi DUN berkenaan.

4. Bagi maksud menjalankan PRK ini, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti yang berikut :

<b>Tarikh Keluar Writ</b>	<b>:</b>	<b>6 Mac 2019 (Rabu)</b>
<b>Hari Penamaan Calon</b>	<b>:</b>	<b>30 Mac 2019 (Sabtu)</b>
<b>Hari Mengundi Awal</b>	<b>:</b>	<b>9 April 2019 (Selasa)</b>
<b>Hari Mengundi</b>	<b>:</b>	<b>13 April 2019 (Sabtu)</b>

5. Tempoh berkempen yang ditetapkan adalah **14 hari** bermula selepas pengisytiharan calon sehingga pukul **11.59 malam, 12 April 2019**.

6. Bagi urusan permohonan undi pos luar negara dan dalam negara, tarikh buka dan tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut :

<b>Tarikh Buka</b>	<b>:</b>	<b>6 Mac 2019 (Rabu)</b>
<b>Tarikh Tutup</b>	<b>:</b>	<b>28 Mac 2019 (Khamis)</b>

7. Bagi menjalankan proses pilihan raya kecil ini, SPR telah bersetuju untuk melantik **PEGAWAI DAERAH SEREMBAN, Y.BRS ENCIK MOHD NIZAM BIN TAJUL ARUS sebagai Pegawai Pengurus Pilihan Raya Kecil DUN N.27 Rantau**. Beliau akan dibantu oleh **EMPAT (4) orang Penolong Pegawai Pengurus**.

8. SPR juga bersetuju menubuhan **EMPAT (4) Pasukan Penguin Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** untuk memantau semua aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen. Pasukan PP-KPR ini akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), wakil-wakil calon yang bertanding dan juga pegawai SPR.

9. SPR akan menggunakan **DEWAN SERBAGUNA, SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) BANDAR SRI SENDAYAN** sebagai **Pusat Penamaan Calon** dan **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi**.

10. Borang Penamaan Calon boleh dibeli mulai 7 Mac 2019 di Pejabat Pegawai Pengurus Pilihan Raya di Pejabat Daerah dan Tanah Seremban atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Sembilan atau di Ibu Pejabat SPR Putrajaya.

11. Untuk memudahkan proses penamaan calon, saya menggesa kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRK N.27 Rantau agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan pihak Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Sembilan sebelum Hari Penamaan Calon. Proses semakan awal ini boleh dibuat mulai 25 Mac 2019. Selain itu bakal-bakal calon juga adalah dinasihat untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini adalah bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon pada Hari Penamaan Calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.

12. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak itu hendaklah dikemukakan oleh calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di Pusat Penamaan Calon yang telah ditetapkan oleh SPR.

13. SPR juga akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi **FB Live** di laman Facebook SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada PRK Cameron Highlands dan

Semenyih. Di samping itu juga, SPR akan menyiaran kepada umum keputusan tidak rasmi PRK iaitu keputusan yang tertakluk kepada pengesahan melalui laman media sosial SPR, portal SPR dan juga paparan skrin di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi.

14. Seramai **515 orang petugas** dilantik bagi mengendalikan proses PRK N.27 Rantau. Manakala sebanyak **16 buah Pusat Mengundi** yang mengandungi kesemuanya **55 Saluran** akan digunakan untuk kemudahan mengundi. PRK ini dianggarkan memerlukan peruntukan **sebanyak RM1.8 JUTA**.

15. Daftar Pemilih Pilihan Raya yang akan digunakan untuk PRK ini adalah **Daftar Pemilih Induk Tahun 2018** yang dikemaskini sehingga **25 Februari 2019**. Daftar Pemilih tersebut mengandungi **20,926 orang pemilih berdaftar** yang terdiri daripada **20,804 orang pengundi biasa, 118 orang pengundi awal dan empat (4) orang Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara**. Daftar Pemilih tersebut akan mula dijual pada **14 Mac 2019**.

16. SPR akan turut menghantar Kad Pengundi (*Voter's Card*) kepada semua pengundi di N.27 Rantau. *Voter's Card* ini mengandungi maklumat Pusat Mengundi, Saluran Mengundi, Nombor Bilangan Pengundi, Tarikh dan Masa Pengundian. Ia akan memudahkan pengundi untuk mengetahui maklumat pengundian mereka dan melancarkan lagi proses pada hari mengundi.

17. Mulai tarikh 14 Mac 2019 juga, para pengundi boleh membuat semakan Daftar Pemilih untuk mengetahui maklumat pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan mereka melalui **laman portal**

**SPR** ([www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my)) atau menelefon ke talian **03-88927018** atau melalui **SMS 15888** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**.

18. SPR juga telah membuat penambahbaikan terhadap buku Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang mana dalam satu helaian muka surat telah dikurangkan daripada **50** kepada **30** nama yang bertujuan untuk memudahkan semakan oleh Kerani Pengundian dan Ejen-Ejen Tempat Mengundi.
19. Pada PRK ini juga, SPR turut menawarkan kepada mana-mana Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), mana-mana badan atau individu berkelayakan yang berminat untuk menjadi pemerhati pilihan raya dalam melihat penjalanan proses PRK ini bermula dari hari penamaan calon sehingga keputusan pilihan raya diumumkan. Mereka dibenarkan untuk membuat pemerhatian seperti di pusat penamaan calon, pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan pusat penjumlahan rasmi undi. Permohonan untuk menjadi Pemerhati Pilihan Raya Kecil ini boleh dikemukakan kepada SPR dan tarikh tutup adalah pada **25 Mac 2019**.
20. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `Jom Kita Undi` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, media cetak, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik seperti di tempat-tempat tumpuan awam, hentian bas dan lain-lain tempat yang bersesuaian.

21. SPR mensasarkan **70 peratus** pengundi akan keluar mengundi. SPR juga memohon kerjasama semua pihak termasuk pihak media dan parti-parti politik agar turut mengambil langkah untuk menyeru dan menggalakkan pengundi supaya keluar mengundi.
22. SPR juga akan meneruskan penambahbaikan seperti berikut:
  - a) Menyediakan **DUA (2) saluran khusus** bagi pengundi yang berumur 60 tahun dan ke atas di setiap Pusat Mengundi.
  - b) **Memanjangkan tempoh masa pengundian** dari jam **8.00 pagi hingga 5.30 petang** berbanding jam 5.00 petang sebelum ini.
  - c) Sebanyak **11 saluran baharu** ditambah bagi mengelakkan jumlah pengundi terlalu ramai di satu-satu saluran menjadikan keseluruhannya adalah **55 saluran** berbanding **44 saluran** pada PRU-14.
  - d) Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) akan mengundi di Saluran 1. Pada PRK ini seramai **541 orang** pengundi OKU telah dikenal pasti dan mereka adalah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
23. Maklumat-maklumat lain berhubung dengan pilihan raya kecil ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh SPR.

Sekian dan terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**  
Pengerusi  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 6 Mac 2019 / 29 Jamadil Akhir 1440H